



# SPECTRUM

MSAE

ERAT SEPAKAT MEMBINA LEGASI KEJURUTERAAN PERTANIAN



## SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN : 04/2018

### **4<sup>th</sup> Annual Regional Convention (ARC) & Pekan Teknik Pertanian Nasional (PTPN) X**

MSAE telah menganjurkan *Annual Regional Convention (ARC)* kali ke-4 pada 12-14 November 2018 dimana Fakultas Teknologi Pertanian, Universitas Gadjah Mada (UGM), Yogyakarta, Indonesia telah menjadi tuan rumah. ARC telah dianjurkan bersama-sama dengan Pekan Teknik Pertanian Nasional (PTPN) ke-10 dan perhimpunan Mahasiswa Teknik Pertanian (PERMATETA) UGM juga turut menganjurkan *3<sup>rd</sup> National Student Seminar on Agricultural Technology 2018* yang bertemakan "*Agricultural and Biosystem Engineering Towards Sustainable Development Goals in 2020*". Majlis ini telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Ir Bambang Purwantana, Ketua Jabatan Departemen Teknik Pertanian dan Biosistem dan Prof. Madya Dr Rosnah Shamsudin, Presiden MSAE yang dihadiri hampir 200 orang pelajar dari Indonesia, Malaysia dan Filipina.

Seminar ini dianjurkan bersama dengan *Indonesian Society of Agricultural Engineers (ISAE)* yang juga dikenali sebagai PERTEETA. Dalam majlis perasmian ARC 2018, terdapat tiga ucap tama iaitu Dr. Ir. Desrial, Presiden ISAE yang bertajuk "*Current Development in Agricultural Machinery in Indonesia*"; Ir Dr. Effendy Mohammad Ya'acob dengan tajuk "*Current Development in Drying Technology for Agricultural products in Malaysia*"; dan Dr. Ir. Endang Savitri dengan tajuk "*Conservation in Watershed in Indonesia*".



Gambar 1: Exco MSAE bersama dengan MSAE-SC (UPM Serdang, MSAE-SC (UPM Bintulu), MSAE-SC (Unimap) dan MSAE-SC (Politeknik Kota Bharu)

### **PERBINCANGAN DUA HALA ANTARA MSAE, UGM DAN PERTETA CAWANGAN YOGYAKARTA**

Sebagai memantapkan lagi hubungan antarabangsa MSAE sebagai sebuah persatuan profesional teknikal yang berkaitan dengan pertanian dan makanan, Exco MSAE sesi 2017-2019 telah mengadakan perbincangan dua hala bersama pensyarah Departemen Teknik Pertanian dan Biosistem, Fakultas Teknologi Pertanian dan Wakil PERTEETA Yogyakarta iaitu Dr Andri Prima Nugroho. Diantara perkara yang telah dibincangkan adalah tentang kerjasama dalam penganjuran konferensi atau seminar, pertukaran mobiliti pelajar prasiswazah dan siswazah serta kerjasama dalam penyelidikan terutamanya dalam perkembangan teknologi pertanian dan makanan.



Gambar 2: Perbincangan dua hala antara Exco MSAE, pensyarah Departemen Teknik Pertanian dan Biosistem dan Wakil PERTEETA



Gambar 3: Presiden MSAE bersama Dr. Ir. Didik Purwadi, Wakil Gabenor Yogyakarta, Prof. Dr. Eni Harmayani, Dekan dan Wakil PERTEETA Yogyakarta, Dr Andri Prima Nugroho



## PERTANDINGAN PEMBENTANGAN KERTAS PENYELIDIKAN DI ARC2018

Pada sesi petang *Annual Regional Convention 2018*, satu pertandingan pembentangan kertas penyelidikan telah diadakan antara semua peserta. Sebanyak 20 kertas penyelidikan telah dibentangkan sepanjang pertandingan dijalankan dalam tiga tema iaitu *Land and Water Engineering*, *Food Engineering* dan *Energy and Machinery Engineering*.

MSAE-SC (UPM Serdang) telah berjaya memenangi anugerah Pembentangan Terbaik bagi tema *Food Engineering* dan MSAE-SC (Unimap) telah memenangi anugerah Pembentangan Terbaik bagi tema *Energy and Machinery Engineering*.



Gambar 4: Pemenang anugerah Pembentangan Terbaik bagi tema *Food Engineering* dari MSAE-SC (UPM Serdang)



Gambar 5: Pemenang anugerah Pembentangan Terbaik bagi tema *Energy and Machinery Engineering* dari MSAE-SC(Unimap)

## PERTANDINGAN INOVASI PRODUK DI ARC2018

Pada hari kedua *Annual Regional Convention 2018*, kumpulan pelajar dari Malaysia, Indonesia dan Filipina telah bertanding dalam pameran inovasi produk. Setiap kumpulan telah mempamer prototaip produk dan poster produk mereka di ruangan pameran. Video promosi produk juga ditayangkan sepanjang pertandingan diadakan. Selain itu, peserta berpeluang untuk membuat pembentangan produk selama 4 minit dan 4 minit soal jawab daripada 3 panel.

Pameran produk ini telah dihadiri oleh lebih 400 pelawat termasuk pelajar dan pensyarah dari fakulti-fakulti lain dari Universitias Gajah Mada.

MSAE-SC (UPM Bintulu) telah memenangi anugerah *The Most Favourite Team* dalam pertandingan ini. Anugerah ini diadili dengan undi terbanyak daripada seluruh pelawat yang hadir sepanjang pameran produk dijalankan.



Gambar 6: Pemenang anugerah *The Most Favourite Team* bagi tema *Food Engineering* dari MSAE-SC (UPM Bintulu)



Gambar 7: Peserta seramai 190 orang yang telah menjayakan *Annual Regional Convention 2018* di Universitas Gajah Mada, Yogyakarta